




Mekanisme PRN Melaka perlu selari tuntutan demokrasi

Oleh Dr Kamarul Azman Khamis dan
Muhammad Afifi Abdul Razak
bhrencana@bh.com.my

Dalam keadaan pandemik COVID-19, isu keselamatan pilihan raya menjadi cabaran utama pelaksanaan pilihan raya, termasuk membabitkan isu Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan.

Aspek keselamatan pilihan raya biasanya membabitkan perlindungan keselamatan daripada segala bentuk halangan boleh menjejaskan kewibawaan pelaksanaannya dalam usaha memenuhi tuntutan demokrasi.

Ini termasuk proses melindungi pemegang taruh pilihan raya seperti pengundi, calon, petugas, media dan pemerhati serta maklumat contohnya keputusan pengundian, data pendaftaran dan bahan kempen.

Begitu juga peristiwa pilihan raya seperti kempen dan perhimpunan daripada sebarang bentuk ancaman, kerosakan serta gangguan terhadap keselamatan nyawa dan material.



Pengarah
dan Felo Penyelidik
Universiti Utara
Malaysia (UUM)
Research Institute
for Indonesia,
Thailand &
Singapore
(UUM-ITS)

dalam pilihan raya menurun, sekali gus membuka jalan pelbagai isu kontroversi dan mungkin menjurus konflik politik serta sosial.

Ini turut memberi kesan besar kepada kebanyakan kerajaan apabila terpaksa membuat keputusan penting sama ada meneruskan, menangguhkan atau menjadualkan pilihan raya semula.

Menangguhkan bermakna sesebuah kerajaan pasti dikritik hebat dari segenap penjuru atas alasan cuba mematickan proses demokrasi.

Meneruskan pilihan raya ketika negara diancam pandemik pula bakal menjerumuskan negara dalam keadaan lebih teruk kerana ramai pengundi berkemungkinan dijangkiti.

Data daripada *International Institute for Democracy and Electoral Assistance (IDEA)* bertajuk *Global Review of COVID-19: Impacts on Elections* menunjukkan tindakan banyak negara menangguhkan proses pilihan raya disebabkan ancaman pandemik.

Analisis daripada 21 Februari 2020 hingga 21 September 2021 itu, menunjukkan tiga perkembangan trend.

Pertama, sekurang-kurangnya 79 negara dan wilayah memutuskan untuk menangguhkan pilihan raya nasional dan sub nasional kerana COVID-19 dengan 42 negara serta wilayah menang-

serta Vietnam (99 kepada 97 peratus).

Berbalik pilihan raya di negara ini, ini bukanlah kali pertama kita terpaksa mengadakan pilihan raya dalam musim pandemik, sebaliknya mempunyai pengalaman sama ketika PRN Sabah yang menyaksikan peningkatan jangkitan COVID-19 di seluruh negara.

Seperti mana kita maklum, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memperkenalkan prosedur operasi standard (SOP) khusus mengenai pilihan raya dengan mengambil kira syor dan cadangan dikemukakan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

KKM contohnya, menyarankan tiga larangan penting mesti diberi perhatian bertujuan mengawal penularan COVID-19, iaitu larangan rentas sempadan atau pulang ke kampung dan tidak boleh berkempen rumah ke rumah dan perhimpunan beramai-ramai.

SOP ini mestilah dipatuhi kerana kita tidak ingin peristiwa PRN Sabah berulang di negara ini hanya kerana ingin memenuhi tuntutan demokrasi.

Mengenai isu PRN Melaka, ada dua cadangan boleh dipertimbangkan. Pertama, mengadakan special voting arrangements (SVA) bertujuan meluaskan peluang pengundi khasnya dalam kalangan pengundi atau individu tidak dapat